

**POLITIK PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH  
PERSENDIRIAN CINA (SMPC), 1962-2002: SATU  
KAJIAN TENTANG PERKEMBANGAN SMPC DI  
IPOH, PERAK**

**PAY SEE TIANG**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2008**

**POLITIK PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA  
(SMPC), 1962-2002: SATU KAJIAN TENTANG PERKEMBANGAN  
SMPC DI IPOH, PERAK**

**oleh**

**PAY SEE TIANG**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Jun 2008**

## PENGHARGAAN

Dalam proses menjalankan kajian ini, saya amat terhutang budi kepada semua pihak yang terlibat, iaitu sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi bantuan dan kerjasama kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua orang guru saya, Dr. Wan Asna Wan Mohd. Nor sebagai penyelia utama dan penyelia bersama Prof. Madya Dr. K. Ramanathan kerana kesudian dan keprihatinan mereka membimbing dan mendorong saya sepanjang tempoh kajian ini. Walaupun senantiasa sibuk dengan tugas rasmi harian, mereka tidak pernah tolak permintaan saya untuk berjumpa. Kesanggupan mereka meluangkan masa berharga untuk menyelia, meneliti, dan memberi teguran kepada saya merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran atau pemerolehan ilmu yang begitu bermanfaat untuk diri saya.

Keduanya, saya juga terhutang budi kepada pengetua dan warga Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) di Ipoh, Lembaga Pengurus-Pengurus Sekolah Cina Perak, Dong Zong (Persekutuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia), Jiao Zong (Persekutuan Persatuan-Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia) dan pihak-pihak tertentu yang tidak dapat dinyatakan di dalam ruangan yang terhad ini, kerana telah memberi kerjasama serta bantuan kepada saya dalam membekalkan maklumat berkenaan untuk menyempurnakan kajian saya ini. Selain itu, kesudian Mohamad Muzammil Mohamad Noor untuk menyemak dan membetulkan kesalahan ejaan dan ayat dalam tesis amat saya hargai.

Akhirnya, saya berterima kasih kepada isteri saya Hii Siew Miu, kerana begitu memahami, toleran, dan sokongan beliau kepada saya sepanjang kajian ini akan senantiasa diingati.

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xii
<i>ABSTRACT</i>	xiii

### **BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Justifikasi Tempoh Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	9
1.7 Organisasi Kajian	11

### **BAB 2 RANGKA TEORETIKAL KAJIAN**

2.1 Tipologi Hubungan Etnik	15
2.2 Etnik dan Kaum	15
2.3 Majoriti dan Minoriti	18
2.4 Pluralisme dan Masyarakat Majmuk	20
2.5 Teori Politik Masyarakat Majmuk	30
2.6 Teori Ketidakstabilan Demokrasi: Rabushka dan Shepsle	31
2.7 Teori Demokrasi Permuafakatan: Arend Lijphart	36
2.8 Teori Pengawalan Konflik: Eric Nordlinger	45
2.9 Rangka Teoretikal dan Aplikasinya Dalam Konteks Kajian	49

**BAB 3 DASAR PELAJARAN dan KEWUJUDAN SMPC 1961**

3.1	Latar Belakang Dasar Pelajaran Tanah Melayu	57
3.2	Laporan Razak 1956	63
3.3	Laporan Rahman Talib 1960	76
3.4	SMPC di Perak, 1962-1973.	85
3.5	Kebangkitan SMPC: Gerakan Pemulihan SMPC Perak, 1973-1980	94
3.6	Kemajuan dan Cabaran SMPC, 1981-2002	101

**BAB 4 ANALISIS KES KAJIAN**

4.1	Latar Belakang Ipoh	107
4.2	Kajian Kes 1: Sekolah Menengah Yuk Choy	114
4.2.1	Sejarah Awal Penubuhan, 1908-1942	114
4.2.2	Kebangkitan Pertama, 1948-1962	115
4.2.3	Peringkat <i>Gaizhi</i> , 1963-1973	117
4.2.4	Kebangkitan Kedua, 1973-1979	118
4.2.5	Peringkat Pembinaan dan Pemindahan SMYC, 1980-1985	125
4.2.6	Peringkat Pembangunan dan Kemajuan SMYC, 1985-2000	128
4.3	Kajian Kes 2: Sekolah Menengah Poi Lam	133
4.4	Kajian Kes 3: Sekolah Menengah Shen Jai	143
4.5	Analisis Kajian Kes	150

**BAB 5 KESIMPULAN**

5.1	Pendidikan Cina dalam Politik Masyarakat Majmuk	156
5.2	Kedinamikan Parti Politik Cina	166
5.3	SMPC Produk Politik Pendidikan	170
5.4	Rumusan	174

<b>TEMU RAMAH</b>	175
-------------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	177
--------------------	-----

**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

- |            |   |
|------------|---|
| LAMPIRAN A | Kolej Han Chiang dan Kolej Selatan  |
| LAMPIRAN B | Pelan bangunan Dong Jiao Zong   |
| LAMPIRAN C | Bangunan Dong Jiao Zong dan Kolej New Era   |
| LAMPIRAN D | Derma badan korporat 100 ekar tanah kepada Kolej New Era                              |
| LAMPIRAN E | Peta kampus Kolej New Era   |
| LAMPIRAN F | Peta sempadan daerah pentadbiran dan mukim negeri Perak                               |
| LAMPIRAN G | Peta sempadan daerah pentadbiran dan mukim negeri Perak                               |
| LAMPIRAN H | Gambar foto Pengkaji dengan Foo Wan Thot dan Tan Lik Chee                             |
| LAMPIRAN I | Gambar foto Lau Pak Khuan, Peh Seng Koon, Lee Loy Seng, dan Yeoh Kim Tian             |
| LAMPIRAN J | Gambar foto Sekolah Menengah Yuk Choy, Jalan Kuala Kangsar, Perak.                    |
| LAMPIRAN K | Gambar foto Foo Wan Thot, Chong Kok Lim, Yong Chan Mao, Chen Ting dan Chan Toon Fah   |
| LAMPIRAN L | Gambar foto Sekolah Menengah Yuk Choy, Jelapang, Perak.                               |
| LAMPIRAN M | Gambar foto Sekolah Menengah Poi Lam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, Perak |
| LAMPIRAN N | Gambar foto Sekolah Menengah Poi Lam, Pengkalan, Perak.                               |
| LAMPIRAN O | Gambar foto Sekolah Menengah Shen Jai.  |
| LAMPIRAN P | Gambar foto Lim Keng Yaik dan Ling Liong Sik.   |

## SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1 Beberapa dimensi pluralisme	29
Jadual 2.2 Jumlah penduduk berdasarkan kumpulan etnik di Malaysia dari tahun 1700 hingga tahun 2000	50
Jadual 2.3 Sistem pendidikan Cina Malaysia, 1957-1997	50
Jadual 3.1 Bantuan kerajaan kepada sekolah-sekolah mengikut aliran, 1950-1957	62
Jadual 3.2 Bancian bagi sekolah, murid, dan guru di Malaya, 1946-1957	62
Jadual 3.3 Statistik SMPC dan bilangan pelajar dari tahun 1960 hingga tahun 1970	83
Jadual 3.4 Jumlah pelajar yang mendaftar di Universiti Malaya di antara tahun 1959-1969 dan tahun 1969-1970	84
Jadual 3.5 Bilangan pelajar Cina peringkat ijazah di lima buah universiti utama IPTA dalam negara mengikut kumpulan etnik pada tahun 1970, 1980, dan 1985	84
Jadual 3.6 Laporan bilangan pelajar dan keputusan <i>gaizhi</i> di 11 buah SMC di negeri Perak pada 14.5.1961	87
Jadual 3.7 Bilangan SMPC di negeri Perak pada tahun 1962	90
Jadual 3.8 Jumlah pelajar yang melebihi had umur persekolahan dari tahun 1957 sehingga tahun 1960	91
Jadual 3.9 Bilangan pelajar di sembilan buah SMPC di negeri Perak, dari tahun 1969 sehingga tahun 1973	93
Jadual 3.10 Jumlah kutipan derma di Perak bagi tahun 1973, 1974, dan 1975	96
Jadual 3.11 Pembinaan semula SMPC di negeri Perak	97
Jadual 3.12 Bilangan pelajar 60 buah SMPC di Malaysia bagi tahun 1973, 1983, dan 1991	102
Jadual 3.13 Bilangan pelajar dan peratus pertambahan di 9 buah SMPC di negeri Perak dari tahun 1973 sehingga tahun 2000	103
Jadual 3.14 Bilangan pelajar 60 buah SMPC di Malaysia bagi tahun 1973, dan tahun 1976 sehingga tahun 2000	104
Jadual 3.15 Jumlah pelajar dan peratus pertambahan tahunan pelajar yang menduduki peperiksaan UEC dari tahun 1975 sehingga tahun 2000	104
Jadual 3.16 Bilangan pelajar yang memasuki Universiti Nasional Singapura dan Universiti Teknologi Nanyang dari tahun 1991 sehingga tahun 2000	106

Jadual 4.1	Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik di daerah pentadbiran Kinta dan kawasan pihak berkuasa tempatan Majlis Bandaraya Ipoh di negeri Perak pada tahun 2000	108
Jadual 4.2	Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, dan daerah pentabdiran di negeri Perak pada tahun 2000	108
Jadual 4.3	Keadaan SMPC di negeri Perak pada tahun 1993	110
Jadual 4.4	Pilihan raya parlimen daerah Kinta, Perak: Perbandingan secara relatif undi sah yang diperolehi oleh parti perikatan dan parti pembangkang antara tahun 1959-1999	112
Jadual 4.5	Pengerusi dan Naib Pengerusi Lembaga Pengurus SMYC, 1945-1986	120
Jadual 4.6	Pemimpin Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak (PLPSCP), 1953-2000	120
Jadual 4.7	Pemimpin-pemimpin Dewan Perniagaan Cina Perak(DPCP), 1947-1990	122
Jadual 4.8	Pemimpin-pemimpin Dewan Perhimpunan Cina Perak, 1946-2000	123
Jadual 4.9	Pendapatan, perbelanjaan, dan defisit kewangan dari tahun 1997 sehingga tahun 2000	129
Jadual 4.10	Jenis-jenis kursus yang ditawarkan oleh SMYC hasil usaha sama dengan kolej-kolej swasta	132
Jadual 4.11	Jenis-jenis bayaran bulanan tingkatan peralihan, tingkatan satu, kelas automobil, dan kelas kesenian bagi tahun 2003, Sekolah Menengah Yuk Choy	132
Jadual 4.12	Bilangan pelajar SMPL dari tahun 1975 sehingga tahun 2000	134
Jadual 4.13	Presiden Persatuan Hokkien Perak, 1946-2002	137
Jadual 4.14	Pemantau dan Pengerusi Lembaga Pengurus SMPL, 1955-2001	137
Jadual 4.15	Rancangan pembinaan dan pembangunan SMPL dari penggal satu sehingga penggal enam, 1975-2001	137
Jadual 4.16	Jumlah pendapatan, perbelanjaan, dan defisit yang dialami oleh SMPL dari tahun 1997 sehingga tahun 2001	138
Jadual 4.17	Jenis-jenis peperiksaan yang diduduki oleh pelajar-pelajar SMPL	142
Jadual 4.18	Yuran bagi kelas G.C.E 'O' Level dan kelas U.E.C.	142
Jadual 4.19	Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Shen Jai	143
Jadual 4.20	Bilangan pelajar Sekolah Menengah Shen Jai, 1960-2001	144
Jadual 4.21	Jenis-jenis peperiksaan yang diduduki oleh pelajar di SM Shen Jai, 2001	147

Jadual 4.22	Rancangan pembinaan dan pembangunan SM Shen Jai, 1960-2001	147
Jadual 4.23	Yuran sekolah SM Shen Jai pada tahun 2003	148
Jadual 4.24	Pendapatan, perbelanjaan, dan defisit Belanjawan yang dihadapi oleh SMSJ dari tahun 1997 sehingga tahun 2001	148
Jadual 4.25	Perubahan identiti Sekolah Menengah Cina di Malaysia berdasarkan Akta Pendidikan 1961	150
Jadual 4.26	Perbandingan ciri-ciri pengelolaan tiga buah SMPC di Ipoh, Perak	155
Jadual 4.27	Perbandingan SMPC dan SMK selepas tahun 1974	155

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 2.1 Tipologi Regim Demokratik	37
Rajah 2.2 Tipologi Sistem Demokratik	41
Rajah 3.1 Jumlah pelajar di sembilan buah SMPC di negeri Perak, dari tahun 1962 sehingga tahun 1975	91
Rajah 4.1 Statistik bilangan pelajar SMYC dari tahun 1954 sehingga tahun 1998	116
Rajah 4.2 Struktur organisasi pentadbiran SMYC	129
Rajah 4.3 Struktur organisasi Lembaga Pengurus SMYC	130
Rajah 4.4 Sistem pendidikan SMYC	132
Rajah 4.5 Statistik bilangan pelajar SMPL dari tahun 1975 sehingga tahun 2001	136
Rajah 4.6 <i>Poi Lam High School, Ipoh flowchart of the streaming system</i>	141
Rajah 4.7 Carta aliran sistem pendidikan 3+3 SM Shen Jai	147
Rajah 5.1 Perubahan identiti SMC	173
Rajah 5.2 Perubahan identiti SRC	173

## SINGKATAN

DAP	<i>Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik)</i>
DPCP	Dewan Perhimpunan Cina Perak
DPPCP	Dewan Perhimpunan dan Perniagaan Cina Perak
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
ICSS	<i>Independent Chinese Secondary Schools</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
LCE	<i>Lower Certificate of Education</i>
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCACECC	<i>Malayan Chinese Association Chinese Education Central Committee</i>
MCE	<i>Malayan Certificate of Education</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
NEC	New Era College
PLPSCP	Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak
PMR	Peperiksaan Penilaian Rendah
PMSM	Peperiksaan Masuk Sekolah Menengah
PPP	<i>Peoples' Progressive Party</i>
SMC	Sekolah Menengah Cina
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMPC/ <i>Duzhong</i>	Sekolah Menengah Persendirian Cina
SMYC	Sekolah Menengah Yuk Choy
SMPL	Sekolah Menengah Poi Lam
SMSJ	Sekolah Menengah Shen Jai
SPM	<i>Sijil Pelajaran Malaysia</i>
SRC	Sekolah Rendah Cina
SRJKC	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SRKC	Sekolah Rendah Kebangsaan Cina

UCSCA/Dong Zong	<i>United Chinese School Committees' Association</i> (Persekutuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia)
UCSTA/Jiao Zong	<i>United Chinese School Teachers' Association</i> (Persekutuan Persatuan-Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia)
UDP	<i>United Democratic Party</i>
U.E.C	<i>Unified Examination Certificate</i> (Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina)
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>

**POLITIK PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA (SMPC), 1962-2002: SATU KAJIAN TENTANG PERKEMBANGAN SMPC DI IPOH, PERAK**

**ABSTRAK**

Kajian ini merupakan suatu kajian politik pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), dengan tertumpu kepada tiga buah SMPC di Ipoh Perak. SMPC yang dijadikan sebagai kajian kes ialah Sekolah Menengah Yuk Choy, Sekolah Menengah Poi Lam, dan Sekolah Menengah Shen Jai. Kajian ini menyelidiki dan mengupas tiga perkara utama. Pertama, kajian ini meninjau sebab musabab kewujudan untuk mengetahui kesahan dan perkembangan pendidikan SMPC di negara ini, terutamanya di negeri Perak. Sistem pendidikan kebangsaan negara ini adalah berasaskan Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Setelah sepuluh tahun negara mencapai kemerdekaan, Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi bahasa pengantar utama, dalam dasar pendidikan kebangsaan. Sejak itu, Penyata Pendidikan dan Bahasa Kebangsaan terus menjadi landasan dalam pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan sehingga ke hari ini. Namun begitu, dalam pada itu juga wujud satu sistem pendidikan di luar sistem pendidikan kebangsaan iaitu pendidikan SMPC yang berlandaskan penggunaan bahasa ibunda etnik Cina, iaitu bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar di sekolah. Kedua, kajian kes yang dijalankan menyelidiki tentang aspek-aspek penubuhan, pentadbiran, dan prospek SMPC di Ipoh, Perak. Dalam pada itu, kajian ini secara langsung mendedahkan inisiatif, sokongan, dan peranan komuniti Cina setempat terhadap pendidikan bahasa ibunda mereka. Hasil penyelidikan ini secara tidak langsung boleh mengesahkan kewujudan semangat perjuangan komuniti Cina yang kental terhadap pendidikan bahasa ibunda bagi memastikan *survival* mereka di negara ini. Ketiga, kajian ini melihat sejauh mana pendidikan SMPC menuruti atau mematuhi aspirasi dan matlamat sistem pendidikan kebangsaan. Akhir sekali, kajian ini juga melihat kepada prospek, hala tuju, dan cabaran yang bakal dihadapi oleh pendukung pendidikan SMPC di bawah dasar pendidikan negara.

**THE POLITICS OF INDEPENDENT CHINESE SECONDARY SCHOOLS (ICSS),1962-2002: A STUDY OF ICSS DEVELOPMENT IN IPOH, PERAK****ABSTRACT**

This study deals with the politics of Chinese (Mandarin) language education in Malaysia focussing on Independent Chinese Secondary Schools (ICSS) in Ipoh, Perak. The ICSS used as case studies are Yuk Choy High School, Poi Lam High School and Shen Jai Secondary School. This study examines three main issues. Firstly, it analyses the reasonable causes of the existence and development of the ICSS education in this country in general and specifically in Perak. Our national education system is based on the Razak Statement 1956 and Rahman Talib Statement 1960. After ten years of independence, Bahasa Melayu became our national and official language which is the medium of instruction in our national education policy. Since then, both the Education Statement and the National language have been the launching pads of the national education system until today. However, there is also an education system outside our national education system, namely the ICSS education which is based on the usage of the mother tongue of the ethnic Chinese-Mandarin, as the medium of instruction in schools. Secondly, the case studies are used to investigate the formation, administration, and prospects of ICSS in Ipoh, Perak. In addition, this study explains the initiative, support, and the crucial role of the local Chinese community to their mother tongue education. This research suggests the presence of the fighting spirit of the local Chinese community towards the mother tongue education to ensure the survival of their culture in this country. Thirdly, this study sees the extent of ICSS education in conforming to the aspiration and objective of the national education system. Lastly, this study also examines the prospects, directions and challenges, faced by the supporters of the ICSS education within the structure of our national education.



## BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

### 1.1 Pengenalan

Kajian ini mengupas dan menyelidiki tentang politik pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dengan menjadikan tiga buah SMPC di Ipoh, Perak sebagai kes kajian. Berdasarkan kajian dan sumber sekunder masa lampau, yakni sejak zaman penjajahan British lagi isu bahasa dan pendidikan telah mula bergolak tentang soal penggunaan bahasa pengantar di sekolah. Kemuncak kepada isu sensitif perkauman ini ialah apabila tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969.<sup>1</sup> Peristiwa itu telah menjadi sejarah hitam yang paling pahit dan sukar untuk dilupakan oleh rakyat Malaysia.

Dewasa ini, walaupun Dasar Pendidikan Negara telah dibentuk lebih daripada 40 tahun yang berasaskan Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1974), tetapi isu bahasa pengantar dan pendidikan Cina terus bergolak sehingga ke hari ini. Contohnya isu *Suqiu* dan isu Sekolah Wawasan adalah di antara isu terkini yang boleh mencetuskan kontroversi dan konflik perkauman di negara ini.<sup>2</sup> Berdasarkan fenomena dan senario berkenaan, maka kita boleh menerima pendapat Milne dan Mauzy (1978) menyatakan bahawa: “*Language and education, especially Chinese Education, have constituted one of the most contentious issues in Malaysian politics*” (hal. 4).

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Tiga kumpulan etnik yang utama di Semenanjung Malaysia ialah Melayu, Cina, dan India. Setiap kelompok

1. Untuk keterangan lanjut lihat Von Vorys (1975), Vasil (1972) dan Goh (1971).

2. Lihat laman web [\(19.08.1999\)., Mingguan Malaysia 10.10.1999., dan Majalah Massa, 16-22 Oktober 1999.](http://www.djz.edu.my/Info/GB/malshuqiu.html)

etnik ini mempunyai pengenalan identiti tersendiri yang boleh dilihat dari segi perbezaan agama, bahasa, adat resam, kepercayaan, kemajuan ekonomi dan sosial, dan petempatan yang berasingan. Sebagai sebuah negara majmuk, persoalan integrasi nasional untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu menjadi matlamat utama. Contohnya, cabaran pertama dalam Wawasan 2020 ialah “membina bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam menghadapi nasib yang sama”. Oleh kerana wujud dilema untuk memilih di antara sentimen perkauman dengan sentimen nasionalis maka proses pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu merupakan suatu permasalahan kompleks dan cabaran utama di negara ini.<sup>3</sup>

Penggunaan satu bahasa umum merupakan elemen terpenting untuk dijadikan alat perpaduan dalam sesebuah negara. Namun begitu, sejak negara mencapai kemerdekaan dan sehingga terbentuknya Malaysia, soal penggunaan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara masih menjadi pertikaian dan polemik di kalangan pemimpin-pemimpin setiap kumpulan etnik. Walaupun sekolah merupakan suatu institusi pendidikan yang menjadi tanggungjawab kerajaan yang tidak sepatutnya dipolitikkan, tetapi di negara-negara masyarakat majmuk, isu politik dalam pendidikan tidak dapat dielakkan akibat daripada persaingan setiap kumpulan etnik untuk mengekalkan identiti budaya dan bahasa etnik masing-masing. Sifat etnosentrik ini sudah tentulah akan bertentangan dengan dasar sesebuah kerajaan yang ingin merealisasikan konsep negara-bangsa yang berlandaskan ideologi nasionalisme.<sup>4</sup>

Oleh itu, kajian ke atas SMPC di negara ini dapat menjelaskan kepada masyarakat umum bagaimana sesebuah kumpulan etnik begitu prihatin dan terikat kepada budaya

---

3. Keterangan lanjut lihat Jaafar dan Habib (1993, hal. 17), dan Emby (1997, hal. 255).

4. Definisi dan penjelasan tentang konsep negara bangsa merujuk kepada tulisan Cornelius (1981, hal.13). Manakala konsep nasionalisme merujuk kepada definisi Emerson (1960, hal. 95-96).

mereka sendiri. Kajian ini juga merupakan suatu usaha penyemakan semula dan pendedahan fakta yang hakiki tentang haluan dan tahap perkembangan pendidikan SMPC dalam perspektif senario politik semasa tanahair.

## 1.2 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengetahui asal usul pendidikan Cina dan faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan SMPC di negara ini. Oleh itu, proses penggubalan dasar pendidikan negara berdasarkan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 dijelaskan dalam kajian ini untuk melihat perkembangan pendidikan negara ini terutamanya tentang reaksi dan tuntutan etnik Cina yang ingin mempertahankan taraf dan identiti sekolah menengah Cina. Oleh itu, kajian ke atas SMPC dapat memberikan suatu pengetahuan berguna tentang pergolakan, tahap kerjasama dan darjah politik kompromi antara etnik serta penerimaan masyarakat umum terhadap dasar pelajaran negara pada masa itu.

Tujuan kedua kajian ini ialah mengkaji bagaimana SMPC dapat terus mempertahankan *survivalnya* kerana SMPC merupakan institusi pendidikan yang terletak di luar sistem pendidikan kebangsaan. Ini bermakna kerajaan tidak memberikan bantuan sama ada kewangan ataupun dari segi pentadbiran sekolah. Maka pengurusan, pentadbiran, dan pembiayaan SMPC menjadi tanggungjawab komuniti Cina setempat. Kajian ini akan mendedahkan bagaimana masyarakat Cina terutamanya pemimpin-pemimpin Cina, *hua tuan*,<sup>5</sup> atau parti-parti politik memberikan bantuan dan sokongan kepada pendidikan SMPC.

---

5. *Huatuan* dalam bahasa Mandarin pada umumnya bermaksud pertubuhan-pertubuhan Cina. Sehingga ke hari ini terdapat 8,775 buah *huatuan* yang berdaftar di negara ini (Sin Chew Jit Poh, 12.03.2000). Lihat artikel Thork (April-Jun, 2002., hal.1-16).

Ketiga, kajian ini mengkaji kejayaan atau kegagalan, dan permasalahan serta cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan SMPC. Justeru itu, tempoh untuk melihat perkembangan SMPC telah ditentukan iaitu sejak SMPC diwujudkan iaitu pada tahun 1962 sehingga ke tahun 2002. Dalam tempoh masa perkembangan SMPC, kajian ini akan mendedahkan cara pengendalian sekolah, penglibatan masyarakat Cina, dan keberkesanan penggunaan bahasa ibunda Cina iaitu Mandarin atau *huayu* sebagai bahasa pengantar utama di SMPC. Sehubungan dengan itu juga akan dihujahkan permasalahan yang dihadapi oleh SMPC dari segi pembiayaan sekolah serta kesan dasar kerajaan terhadap perkembangan SMPC.

Tujuan terakhir kajian ini ialah untuk mengetahui hala tuju dan kecenderungan aliran pendidikan Cina di negara ini. Perkara ini perlu diberi perhatian serius, kerana isu pendidikan merupakan salah satu punca utama yang boleh mencetuskan polarisasi dan konflik antara kumpulan etnik berdasarkan perkembangan semasa yang berlaku. Pengetahuan dan pemahaman tentang perkembangan pendidikan negara penting untuk menyemai dan memelihara semangat toleransi dan saling faham memahami perbezaan yang wujud di antara kumpulan etnik dalam masyarakat majmuk. Berlandaskan teori dan ulasan kajian, maka akan dibuat analisis terhadap situasi sebenar yang berlaku di negara ini. Di samping itu, kajian ini cuba membuat ramalan-ramalan tentang cara-cara mengelak dan mengawal pergaduhan serta pengekalan keharmonian akibat daripada pergolakan politik pendidikan dan bahasa.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, maka kajian ini amatlah sesuai dan wajar dijalankan untuk menyelidik dan mendokumentasikan perkembangan dan pergolakan pendidikan SMPC di bawah dasar pendidikan negara. Kajian ini secara tidak langsung akan memperdalam pengetahuan dan pemahaman tentang asas politik bahasa dan pendidikan yang selama ini berdasarkan kepentingan etnik di negara ini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perkembangan pendidikan SMPC di Ipoh, Perak. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan memberikan gambaran sebenar tentang fenomena dan senario cabaran serta kemajuan sistem pendidikan SMPC.

Pada mulanya terdapat Sekolah Menengah Cina (SMC) atau *huawen zhongxue* di negara ini. Kemudian selepas perubahan dasar kerajaan melalui Akta Pelajaran 1961, SMC terbahagi kepada dua iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) dan SMPC. SMJKC ialah sekolah yang mendapat bantuan kewangan kerajaan dan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Manakala SMPC ialah sekolah yang enggan menerima bantuan kewangan kerajaan dan mengekalkan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Oleh kerana SMPC tidak terangkum dalam sistem pendidikan kebangsaan, maka jatuh bangun atau *survival* SMPC bergantung sepenuhnya kepada komuniti setempat Cina. Dalam pada itu, suatu kajian perlulah dijalankan untuk mengetahui tahap kerjasama dan sokongan lapisan masyarakat Cina terhadap pendidikan persendirian Cina. Keadaan ini adalah penting kerana tidak semua komuniti Cina yang menyetujui penubuhan SMPC. Oleh itu, pemimpin-pemimpin komuniti Cina terutamanya yang terlibat dan berkaitan dengan penubuhan SMPC seperti persatuan-persatuan Cina, pertubuhan-pertubuhan suku kaum Cina, dewan-dewan perhimpunan Cina, dewan-dewan perniagaan dan perdagangan Cina, *Dong Jiao zong*,<sup>6</sup> dan parti-parti politik Cina terutamanya MCA perlu diselidiki.

Pada pengetahuan umum, objektif utama pelaksanaan SMPC ialah ingin

6. *Dong Jiao Zong* ialah nama bagi gabungan dua pertubuhan iaitu *Dong Zong* (Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina) dan *Jiao Zong* (Persekutuan Guru-Guru Sekolah Cina). Menurut Bock (*Berita Minggu*, 12.11.2000), *Dong Zong* ialah persatuan badan kebangsaan dan bukannya pertubuhan bukan kerajaan (NGO). *Jiao Zong* pula ialah persatuan guru-guru yang ditubuhkan di setiap sekolah dan didaftar di bawah NGO. Kedua-dua persatuan ini bertanggungjawab sebagai badan yang mengurus dan mentadbir sekolah Cina, mengutip derma, membiayai segala kemudahan dan berbincang dengan kerajaan dalam isu pendidikan Cina. Kedua-duanya bekerjasama dan dinamakan *Dong Jiao Zong*.

mengekalkan dan memartabatkan identiti bahasa ibunda iaitu Mandarin atau *huayu* di negara ini. Namun begitu, pada masa yang sama sifat keCinaan ini sudah tentu bertentangan dengan dasar kerajaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan.<sup>7</sup> Keadaan ini sudah pasti menyukarkan pencapaian matlamat dan wawasan kerajaan untuk membentuk negara bangsa yang berteraskan Bahasa Melayu dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Oleh itu, kajian ini akan melihat perkembangan pendidikan SMPC dalam konteks politik dan dasar kerajaan pemerintah.

Sejak SMPC diwujudkan melalui dasar pelajaran negara pada tahun 1962 sehingga ke tahun 2002, SMPC telah mengalami detik-detik pahit manis dalam sejarah perkembangan pendidikan SMPC. Oleh itu kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana pencapaian dan arah haluan SMPC di negara ini. Dapatlah diringkaskan bahawa, persoalan dalam kajian ini ialah:

- i) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan SMPC?
- ii) Bagaimanakah komuniti Cina setempat mengendalikan SMPC?
- iii) Apakah persamaan dan perbezaan antara SMK/SMJK dengan SMPC di bawah dasar pendidikan kebangsaan?
- iv) Apakah peranan dan bidang kuasa *Dong Jiao Zong* ke atas SMPC?
- v) Apakah permasalahan, cabaran, dan prospek pendidikan SMPC?

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini ialah berkenaan dengan politik pendidikan SMPC dengan menjadikan tiga buah SMPC di Ipoh, Perak sebagai kes kajian. Adalah diharapkan, hasil kajian ini akan menjadi antara bahan rujukan yang dapat dimanfaatkan oleh para penyelidik yang lain pada masa depan.

---

7. Bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, istilah Bahasa Melayu digunakan dalam tesis ini.

Pertama, kajian ini mempunyai kepentingannya dari segi penjanaan ilmu pengetahuan. Rata-rata warga generasi muda di negara ini tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam atau tidak tahu langsung tentang sejarah kewujudan, tujuan dan peranan SMPC di negara ini. Kewujudan SMPC merupakan suatu hasil perjuangan politik komuniti Cina yang ingin mempertahankan dan mengembangkan budaya mereka. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang budaya, pegangan, dan pemikiran komuniti Cina setempat di Ipoh, Perak.

Kedua, kajian ini penting untuk menjelaskan bahawa pendidikan Cina yang diperjuangkan oleh etnik Cina merupakan perjuangan kepentingan etnik yang bertembung dengan kepentingan pembentukan negara bangsa. Dalam konteks ini, perjuangan yang berdasarkan kepentingan etnik ini telah mengakibatkan berlakunya perseteruan dan konflik antara kumpulan-kumpulan etnik di negara ini. Kajian ini memberikan input yang berguna untuk mengetahui peluang dan tahap kerjasama antara kumpulan etnik untuk mengatasi konflik dan menggembungkan tenaga untuk pembangunan negara pada masa depan. Dalam pada itu, penggunaan konsep minoriti dan majoriti, pluralisme, dan teori masyarakat majmuk akan memperjelaskan lagi senario politik bahasa dan pendidikan di negara ini.

Ketiga, kajian ini membolehkan pelbagai data dan maklumat yang berkaitan dengan susunan lapisan komuniti Cina yang menyertai dan terlibat dalam memperjuang dan mempertahankan pendidikan bahasa ibunda mereka dikumpulkan dan direkodkan. Dalam pada itu, kajian ini dapat memberikan input tentang peranan dan sumbangan para pemimpin daripada institusi-institusi sosial seperti persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan suku kaum, dewan-dewan perhimpunan, dan dewan-dewan perniagaan dan perdagangan terhadap pendidikan etnik Cina di negara ini.

Keempat, kajian ini dilakukan untuk mengetahui peranan dan sumbangan parti-parti politik yang mewakili kepentingan etnik Cina, iaitu sama ada parti-parti pembangkang ataupun parti-parti komponen kerajaan. Hasil kajian ini dapat juga dijadikan panduan kepada pembuat dasar atau para pemimpin masyarakat untuk menilai dan mengukur sejauh

mana keberkesanan sistem pendidikan kebangsaan menyalurkan perkhidmatan pendidikan kepada rakyat jelata. Pada masa yang sama juga, hasil kajian ini dapat mengukur dan mengenalpasti permasalahan dan masa depan pendidikan SMPC.

### **1.5 Justifikasi Tempoh Kajian**

Tempoh kajian ini ialah dari tahun 1962 sehingga tahun 2002, yang berasaskan kepada pertimbangan tiga fasa utama perkembangan pendidikan SMPC di negara ini.

Fasa pertama, merupakan kajian ke atas sejarah kewujudan SMPC akibat Akta Pelajaran 1961, dan bagaimana SMPC cuba untuk menanggung dan mempertahankan pendidikan sekolah menengah Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan. Kewujudan SMPC menghadapi pelbagai dugaan pada peringkat permulaan akibat daripada masalah kekurangan kemudahan fizikal sekolah, masalah kewangan, dan masalah kekurangan pelajar akibat daripada perubahan dan penguatkuasaan peraturan baru sistem persekolahan di bawah dasar pelajaran negara. Sehubungan dengan itu, tempoh ini penting untuk mengetahui jatuh bangun SMPC di negeri Perak.

Fasa kedua pula ialah fasa kebangkitan dan pengukuhan SMPC yang menghujahkan bagaimana SMPC telah dibangunkan dan dimajukan melalui satu gerakan yang dinamai sebagai ‘Pergerakan Pemulihan SMPC’. Gerakan pemulihan ini bermula di negeri Perak yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin komuniti Cina setempat. Kejayaan gerakan pemulihan ini telah mendorong pihak *Dong Jiao Zong* untuk melancarkan gerakan seumpama ini secara besar-besaran di seluruh negara. Seterusnya, fasa ini menjelaskan bagaimana perkembangan pendidikan SMPC semakin kukuh, sistematik, dan terarah akibat pembentukan Jawatankuasa Kerja SMPC oleh *Dong Jiao Zong* yang telah menetapkan misi dan prinsip pendidikan SMPC di negara ini. Pada tahun 1975, *Dong Jiao Zong* telah melaksanakan Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian atau *Unified*

*Examination Certificate* untuk pelajar-pelajar SMPC yang menduduki peperiksaan *Junior Middle 3 (JM3)*, dan *Senior Middle 3 (SM3)*. Pada tahun-tahun kemudian, pihak komuniti Cina setempat di setiap negeri telah berjaya membina bangunan baru SMPC mereka sendiri.

Hasil daripada kejayaan SMPC mencapai tahap *survival* dan berdikari pada fasa pertama dan kedua, maka fasa ketiga pula memperlihatkan bagaimana SMPC mencapai kemajuan demi kemajuan dan semakin diikiraf oleh masyarakat dalam dan luar negara. Di samping itu, kejayaan dan kemajuan pendidikan SMPC, cabaran dan halangan kepada pendidikan SMPC tetap wujud terutamanya dari segi perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan dasar pendidikan negara. Dalam konteks ini, maka cabaran dan prospek pendidikan SMPC juga bersandar kepada proses dan keputusan semasa politik pihak pemerintah.

## 1.6 Metodologi Kajian

Pada dasarnya kajian ini adalah berasaskan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah analisis kandungan dokumen-dokumen rasmi seperti laporan, rancangan, akta-akta kerajaan, memorandum parti-parti politik dan *hua tuan*, minit-minit mesyuarat dan surat-surat peribadi, dan temu bual peribadi dengan pemimpin-pemimpin politik, wakil-wakil rakyat, pemimpin-pemimpin dan kakitangan pertubuhan Cina, pegawai-pegawai kerajaan, pengetua-pengetua dan guru-guru sekolah, aktivis sosial, ibu bapa, dan para pelajar.

Sumber-sumber sekunder yang diperolehi merujuk kepada buku-buku tulisan berkaitan, surat khabar, majalah, jurnal, buletin, monograf-monograf, tesis-tesis, latihan ilmiah, artikel, dan kertas-kertas kerja. Bahan-bahan sekunder rujukan diperolehi dalam ketiga-tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina. Pada

keseluruhannya sebahagian besar rujukan sumber primer dan sumber sekunder ialah dalam bahasa Cina.

Di samping itu, kajian ini berdasarkan juga kepada pemerhatian iaitu lawatan dan tinjauan secara rasmi ke *Dong Zong*, *Jiao Zong*, dan tiga buah SMPC di Ipoh, Perak. Hasil daripada pemerhatian ini membolehkan maklumat atau data-data yang diperolehi lebih menepati piawaian penyelidikan yang menjadikan hasil kajian ini lebih meyakinkan dan mencapai objektif penyelidikan.

Kajian ini juga berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri sebagai seorang pelajar dan penuntut institusi pengajian awam di bawah dasar pendidikan negara. Seterusnya, pengalaman penulis sebagai seorang guru selama lima tahun di sekolah menengah kebangsaan dan dua tahun di sekolah menengah persendirian Cina (*Duzhong*) telah memberikan suatu pengalaman berharga dalam mengemaskinlagi kajian ini.

Berdasarkan pengalaman peribadi dan penggunaan pelbagai kaedah dalam pengumpulan data dan maklumat, maka dharap penyelidik dapat menghasilkan satu kajian yang neutral, seimbang, dan sahih berlandaskan sumber yang sebenarnya.

Akhirnya, kajian ini adalah berlandaskan kepada beberapa persoalan kajian yang berpusat kepada persoalan dan tajuk kajian ini. Dalam aspek rangka teoretikal kajian pula, penggunaan tipologi hubungan etnik dan teori tentang politik masyarakat majmuk ialah bertujuan untuk menganalisis dan memahami asas-asas pertelingkahan, konflik, integrasi sosial, persaingan, pengagihan sumber dan kuasa antara kumpulan-kumpulan, dan pelaksanaan serta penguatkuasaan dasar-dasar kerajaan sejarah dengan perubahan budaya dan sosial dalam masyarakat. Adalah diharapkan kajian ini akan menjadi lebih sistematik, objektif, dan futuristik apabila isu pendidikan SMPC dikupas dan dikaitkan dengan perkembangan dan pembangunan politik masyarakat majmuk yang sentiasa berhadapan dengan konflik etnik yang penuh dengan cabaran, dan dilema dalam membuat pilihan dan keputusan.

## 1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini secara tuntasnya dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama merujuk kepada latar belakang kajian ini yang merangkumi pengenalan, objektif kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, justifikasi tempoh kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian.

Bab kedua ialah tinjauan kajian yang merangkumi dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah tipologi hubungan etnik yang berkisar pada konsep-konsep seperti etnik dan kaum, majoriti dan minoriti, dan pluralisme serta masyarakat majmuk. Konsep etnik dan kaum lebih merupakan penjelasan peristilahan untuk mengelakkan kekeliruan dan penyalahgunaan perkataan ketika berhujah tentang suatu topik atau tema kajian. Contohnya, kajian ini yang berkisar pada pendidikan SMPC, maka dari segi ketepatan penggunaan peristilahan etnik Cina digunakan untuk menggantikan kaum Cina. Konsep majoriti dan minoriti digunakan untuk memperjelaskan hierarki dan hubungan sosial antara kumpulan-kumpulan dalam sesebuah masyarakat terutamanya dalam masyarakat majmuk. Konsep pluralisme memberikan penjelasan dan penghujahan yang lebih menyeluruh tentang ciri-ciri dan kesan interaksi serta hubungan etnik dalam masyarakat majmuk. Bahagian kedua bab ini pula ialah tentang teori politik masyarakat majmuk, teori permuafakatan, dan teori kawalan konflik yang dipelopori oleh Alvin Rabushka, Kenneth A. Shepsle, Arend Lijphart, dan Eric A. Nordlinger. Teori-teori ini berpadanan dengan prospek dan iklim politik negara ini. Keempat-empat sarjana berkenaan berhujah tentang pembangunan dan persaingan politik dalam masyarakat majmuk. Mereka telah mengemukakan teori tentang punca-punca wujud konflik dan pergaduhan, cara-cara pencegahan dan pengawalan, dan prospek atau masa depan kerajaan masyarakat majmuk. Walaupun nampak jelas teori mereka tidak menghuraikan dan mengaitkan secara spesifik di antara masyarakat majmuk dengan pendidikan dan bahasa, namun begitu pada asasnya teori dan hasil kaji selidik mereka adalah relevan serta berhubung dengan senario dan fenomena isu pendidikan negara ini. Sehubungan dengan itu, rangka teoretikal yang dikemukakan dalam kajian ini akan menjadi asas untuk diaplikasikan dalam menganalisis

dan meninjau senario dan perkembangan pendidikan Cina dalam konteks dasar pendidikan negara.

Bab ketiga mengungkapkan latar belakang dasar pelajaran Tanah Melayu dan dua dasar pelajaran yang terpenting dalam sejarah dasar pendidikan negara, iaitu Laporan Razak 1956 yang mewujudkan Ordinan Pelajaran 1957, dan Laporan Rahman Talib 1960 yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Permulaan bab ini yang mengkaji tentang dasar pelajaran Tanah Melayu ialah mengimbas kembali sikap dan peranan pihak penjajah asing terutamanya pihak British dalam menangani isu pendidikan Cina pada masa itu. Perkara ini penting untuk dijelaskan kerana dasar ‘pecah dan perintah’ pihak British terhadap sistem pendidikan negara ini masih diamalkan sehingga ke hari ini. Misalnya, sistem pendidikan sekolah rendah yang masih berdasarkan pelbagai aliran yang menggunakan bahasa pengantar di sekolah mengikut kumpulan etnik masing-masing. Tanpa penjelasan tentang dasar pelajaran Tanah Melayu sebelum merdeka akan menjadikan kajian ini tidak berasas dan hilang relevan dari aspek kronologikalnya. Kedua-dua laporan, iaitu Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib menjadi perintis dan asas kepada pembentukan dasar pendidikan kebangsaan di negara ini. Selain itu, kedua-dua laporan ini tidak dapat dielakkan untuk dianalisis dan dibincangkan di dalam tulisan ini, kerana kedua-dua laporan dan dasar pelajaran itu adalah punca kepada kewujudan SMPC di negara ini. Sehubungan dengan itu juga, dijelaskan bagaimana berlakunya kewujudan dan kebangkitan SMPC di negeri Perak.

Bab keempat ialah analisis kes kajian terhadap tiga buah SMPC di Ipoh, Perak iaitu:

1. Sekolah Menengah Yuk Choi, di Jelapang,
2. Sekolah Menengah Poi Lam, di Simpang Pulai, dan
3. Sekolah Menengah Shen Jai, di Jalan Gopeng, Ipoh.

Oleh kerana ketiga-tiga sekolah tersebut terletak di Ipoh dalam daerah Kinta, maka bab ini terlebih dahulu bermula dengan penerangan tentang persejarahan Ipoh. Di bahagian latar belakang Ipoh ini juga dijelaskan secara umum ciri-ciri sosio-ekonomi dan politik etnik Cina

di daerah Kinta. Dalam pada itu juga dijelaskan persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya dan kecenderungan pengundi komuniti Cina di daerah Kinta. Bahagian yang seterusnya ialah tentang kajian kes tiga buah SMPC di Ipoh. Kajian kes ini begitu penting untuk mengetahui dengan lebih jelas dan tepat tentang bagaimana komuniti Cina setempat dapat membangunkan dan meneruskan pengendalian dan pengoperasian sesebuah institusi pendidikan yang menyerupai sekolah menengah kebangsaan yang dikelolakan oleh kerajaan. Walaupun kerajaan telah menyediakan sekolah menengah yang secukupnya untuk rakyat setempat, namun masyarakat Cina masih ingin mewujudkan dan meneruskan pendidikan SMPC. Oleh itu, kajian kes ini dapat mendedahkan sebab musabab penubuhan SMPC dan mengenali dengan lebih dekat bagaimana etnik Cina setempat berganding bahu dan merancang untuk mengukuhkan pendidikan bahasa ibunda mereka.

Analisis ini juga untuk mengetahui reaksi etnik Cina terhadap pembentukan dan pelaksanaan dasar pendidikan negara. Lanjutan daripada itu akan diperhatikan bagaimana etnik Cina telah mengemukakan pendapat, bantahan, dan tuntutan ke atas dasar kerajaan. Maka kajian ini akan mendedahkan tentang pendekatan-pendekatan yang telah digunakan oleh pihak komuniti Cina yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin parti politik dan pertubuhan-pertubuhan Cina dalam memperjuangkan isu-isu pendidikan untuk kepentingan etnik. Dalam pada itu juga akan ditinjau darjah kerjasama dan perpaduan dalam komuniti Cina itu sendiri untuk memberi sokongan kepada setiap keputusan dan tindakan yang telah dibuat oleh pemimpin mereka. Bahagian yang terakhir bab ini ialah analisa kes kajian yang juga merupakan hasil penyelidikan yang akan mencerakin dan mencanangkan hasil kajian kes ke atas ketiga-tiga buah SMPC di Ipoh, Perak. Berteraskan pernyataan-pernyataan masalah yang dikemukakan dalam bab satu, maka bab ini akan menjelas dan menghujah serta menjawab persoalan melalui hasil penemuan penyelidikan yang telah dijalankan.

Bab kelima ialah kesimpulan ataupun rumusan daripada kaji selidik tentang politik pendidikan SMPC. Pada umumnya, bab ini menyimpulkan bahawa pendidikan Cina di negara ini telah menjadi isu politik yang melibatkan proses tawar-menawar untuk menentukan pembahagian sumber dan kekayaan negara. Isu pendidikan Cina telah

menjadi modal dan senjata utama yang dimanipulasikan oleh pihak parti kerajaan Barisan Nasional atau bagi pihak parti-parti pembangkang, untuk mendapat sokongan masyarakat Cina dalam setiap pilihan raya. Dalam bab terakhir ini juga dijelaskan tentang cadangan penyelidikan pada masa akan datang.



## **BAB 2: RANGKA TEORETIKAL KAJIAN**

### **2.1 Tipologi Hubungan Etnik**

Bahagian ini mengaplikasikan enam konsep utama iaitu etnik dan kaum, majoriti dan minoriti, dan pluralisme serta masyarakat majmuk untuk menjelaskan keadaan dan proses hubungan etnik dalam sesebuah negara majmuk. Konsep-konsep yang dikemukakan ini adalah saling berkaitan di antara satu sama lain untuk berhujah tentang pokok persoalan kajian ini, iaitu politik pendidikan sekolah menengah persendirian Cina merupakan suatu tuntutan etnik Cina dalam masyarakat majmuk. Namun begitu, tuntutan etnik Cina ini adalah bertentangan dengan hasrat dan dasar kerajaan untuk mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan sebagai salah satu usaha untuk merealisasikan pembentukan negara bangsa.

### **2.2 Etnik dan Kaum**

Terdapat pendapat yang menganggap bahawa kedua-dua istilah, iaitu etnik dan kaum mempunyai makna yang sama. Manakala sesetengah pendapat lain pula menganggap kaum sebagai sekumpulan komuniti yang mempunyai perbezaan dari segi budaya, agama, keturunan, bahasa, warna kulit dan sebagainya.

Banyak sarjana telah mengemukakan pendapat masing-masing tentang kedua-dua istilah tersebut.<sup>8</sup> Suatu kumpulan etnik telah didefinisikan oleh Schermerhorn (1970)

---

8. Pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an, muncul banyak sarjana menulis tentang etnik dan hubungan etnik secara perbandingan. Di antaranya ialah Banton (1967), Barth (1969), Van den Berghe (1967), Shibutani & Kwan (1965), Mason (1970), Rex (1970), Schermerhorn (1970), dan Enloe (1973).

sebagai:

*'a collectivity within a larger group having real or putative common ancestry, memories of a shared historical past, and a cultural focus on one or more symbolic elements defined as the epitome of their peoplehood. Examples of such symbolic elements are: Examples of such symbolic elements are kinship patterns, physical contiguity (as in localism or regionalism), religious affiliation, language or dialect forms, tribal affiliation, nationality, phenotypical features or any combination of these. A necessary accompaniment is some consciousness of kind among members of the group' (hal. 12).*

Berdasarkan definisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kumpulan etnik merupakan suatu kumpulan komuniti yang berkongsikan nilai-nilai kepercayaan, tradisi, dan amalan sosial dan kebudayaan yang sama yang menjadi unsur simbolik perhubungan dan perikatan dalam kumpulan berbanding dengan kumpulan yang lain. Bagi penulis-penulis yang lain, walaupun mereka menggunakan makna yang berlainan, tetapi pada keseluruhannya penjelasan mereka tentang kumpulan etnik adalah sama. Namun begitu, Berghe telah membezakan maksud bagi perkataan etnik dengan kaum.<sup>9</sup> Beliau menyatakan bahawa etniksiti atau kumpulan etnik ialah suatu kumpulan manusia yang berkongsikan ciri-ciri budaya yang tertentu seperti bahasa atau agama, manakala kaum atau race ialah suatu kumpulan yang berbeza daripada kumpulan yang lain berdasarkan ciri-ciri fizikal lahiriah yang nyata dan kekal.

Menurut Enloe, etniksiti mempunyai kedua-dua sifat, iaitu perkauman dan peribadi.<sup>10</sup> Beliau menyatakan bahawa perkongsian budayalah yang mengikat serta membezakan seseorang dengan orang yang lain. Bagi beliau, budaya merupakan suatu model asas kepada nilai dan kepercayaan yang membezakan betul daripada salah, menjelaskan peraturan untuk interaksi, menetapkan prioriti, harapan dan matlamat. Ikatan kebudayaan yang berkembang daripada dalam diri seseorang merupakan suatu pengiktirafan istimewa terhadap taraf tingkah laku mereka sendiri dan mereka memberi nilai yang tinggi terhadap taraf tingkah laku tersebut sehingga mereka terasa puas hati dan

---

9. Van den Berghe (1967, hal. 9-10).

10. Enloe (1973, hal. 15).

rasa selamat di kalangan ahli-ahli mereka sendiri. Di peringkat peribadi pula, Enloe menyatakan bahawa etniksiti memperlengkapkan seseorang dengan rasa kekitaan, yang memberikannya suatu kedudukan dalam masyarakat. Berdasarkan hubungan sosial yang semakin kompleks, dan tidak personal, beliau menyatakan identiti etnik akan diperkuuhkan, dan keadaan ini merupakan kebiasaan yang meyakinkan dan dikukuhkan berdasarkan suasana yang kacau dan tidak menentu.

Bagi Enloe, terdapat tiga jenis kumpulan etnik yang paling lazim diketahui umum yang berasaskan puak atau *tribal*, negara asal atau *nation*, dan ras.<sup>11</sup> Pertama, etniksiti *tribal* dikenali berdasarkan sempadan kebudayaan dan perkauman berasaskan hubungan kekeluargaan dan integrasi yang kuat di kalangan keluarga mereka. Kedua, etnisiti *nation* merupakan identiti perkauman yang mempunyai akar umbi dengan suatu negara asing. Kumpulan etnik ini merupakan imigran dari sesebuah negara lain, walaupun mereka mengalami pengubahsuaian hidup, sifat-sifat khas etnik mereka masih menggambarkan ciri-ciri budaya seperti bahasa, agama, dan moral negara asal mereka. Menurut Enloe, semasa pencapaian kemerdekaan, kumpulan etnik *nation* adalah dilihat sebagai orang asing, dan mereka kurang mempunyai hak ke atas pemberian kedaulatan negara berbanding dengan kumpulan bumiputera. Berasaskan alasan inilah etnik *nation* selalunya menghadapi masalah untuk mendapatkan kewarganegaraan. Kumpulan etnik *nation* akan menjadi penting apabila perkembangan politik dipengaruhi oleh hubungan dengan kerajaan asing. Ketiga, etniksiti berasaskan ras yang dikenali melalui nilai dan ikatan yang berasaskan faktor perbezaan fizikal dan biologikal. Kumpulan etnik berasaskan ras ini adalah dihasilkan oleh prejudis atau prasangka yang berasaskan warna kulit dan kepercayaan bahawa adanya ketinggian dan keutamaan kulit putih. Contohnya, amalan dasar Aparteid di Afrika Selatan.

Berdasarkan definisi etnik atau etniksiti, adalah didapati bahawa kumpulan etnik cenderung untuk mengidentifikasi mereka sendiri secara terpisah atau terasing daripada

---

11. Ibid, hal. 23.

kumpulan-kumpulan yang lain berdasarkan asal usul perkauman, dan perhubungan untuk mempertahankan atau terus mengekalkan ciri-ciri *primordial* mereka. Dalam konteks ini, Geertz yang membuat kajian ke atas masyarakat majmuk, telah menekankan tentang kewujudan etniksiti dalam masyarakat dengan merujuk kepada pertalian *primordial*. Beliau menakrifkan pertalian *primordial* sebagai pertalian yang berasaskan perkara-perkara yang wujud secara semulajadi dalam sesebuah komuniti seperti pertalian agama, bahasa, dialek, dan adat resam.<sup>12</sup> Bagi beliau, pertalian-pertalian inilah yang menjadi asas utama ikatan dan ketaatan di antara ahli-ahli dalam kumpulan. Pertalian *primordial* ini jugalah yang menimbulkan pelbagai permasalahan dan halangan untuk pembentukan suatu politik sivil di negara-negara yang baru merdeka.

Berdasarkan penjelasan di atas, istilah etnik digunakan dalam kajian ini kerana ia bersesuaian dengan tajuk kajian yang berkaitan dengan identiti bahasa dan budaya suatu kumpulan etnik.

### **2.3 Majoriti dan Minoriti**

Berlandaskan kepada senario dan perkembangan hal ehwal politik negara-negara di seantero dunia, adalah didapati bahawa ahli-ahli bagi suatu kumpulan etnik tertentu mempunyai semangat kekitaan atau kesedaran kepunyaan yang tinggi di kalangan mereka untuk melindungi, memelihara, dan mempertahankan hak dan identiti mereka dalam konteks persaingan sumber dalam negara. Dalam pada itu juga, ternampak kecenderungan kumpulan-kumpulan etnik cuba membuat pelbagai tuntutan daripada pihak berkuasa yang bersifat komunal. Namun begitu keupayaan dan kekuatan sesebuah kumpulan etnik untuk memenangi suatu tuntutan, amat bergantung kepada sama ada kumpulan itu ialah kumpulan etnik majoriti atau kumpulan etnik minoriti.

---

12. Geertz (1963, hal. 109).

Thomas, Rothermund , Watson, dan Yetman, dan Steela memberikan penjelasan hubungan mengenai majoriti-minoriti dalam perspektif dominan-subordinat.<sup>13</sup> Dalam tulisan mereka, kumpulan minoriti ialah kumpulan subordinat dari aspek prestij, keistimewaan, dan kuasa dan mempunyai perikatan *primordial*. Keadaan ini menyebabkan kumpulan yang dominan akan cuba mengenakan tindakan dan menetapkan dasar-dasar yang bersifat berat sebelah ke atas kumpulan subordinat. Simson dan Yinger menyatakan bahawa dasar yang diambil oleh kelompok dominan terhadap kelompok minoriti merangkumi:<sup>14</sup>

1. Asimilasi
2. Kemajmukan atau pluralisme
3. Perlindungan sah kepada minoriti
4. Pindahan penduduk: i. Pindahan secara aman ii. Pindahan secara paksa
5. Penindasan berterusan dan penghapusan

Marger (1991) pula menyatakan bahawa corak hubungan dominan dan subordinat adalah senantiasa bersifat konflik walaupun perhubungan mereka mungkin kelihatan stabil dan harmoni.<sup>15</sup> Beliau menyatakan kumpulan dominan akan memobilisasikan kuasanya sama ada melalui kekerasan, ideologi, atau kedua-duanya untuk memastikan dominasinya, dan kumpulan-kumpulan minoriti pula akan bertindak balas sama ada dengan melalui pembalasan kuasa, akomodasi atau menyerah diri. Berdasarkan logik dan rasional, keadaan dan corak hubungan etnik majoriti-minoriti sedemikian adalah suatu kejadian yang lazim berlaku dan merupakan peraturan rutin terutamanya dalam negara masyarakat majmuk.

Namun begitu, penjelasan tentang hubungan majoriti-minoriti seolah-olah memperlihatkan kumpulan majoriti bertindak keterlaluan atau mendiskriminasi dan menindas kumpulan minoriti. Keadaan ini menyebabkan kumpulan minoriti sering menganggap dirinya tertindas, terpinggir dan berkemungkinan wujud perasaan dendam,

13. Keterangan lanjut lihat Thomas (1974, hal. 545-566), Rothermund (1986), Watson (1985), Yetmen & Steela (1971), Burkey (1978).

14. Simpson & Yinger (1972).

15. Marger (1991).

benci, dan prejedis dalam diri mereka terhadap golongan dominan majoriti. Walau bagaimanapun, hubungan sedemikian tidak semestinya mutlak kerana kadang-kala kumpulan etnik minoriti lebih memperlihatkan dominasi dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya, dalam tempoh proses pembinaan negara selepas kolonialisme, kumpulan majoriti mungkin bersifat dominan dalam aspek bilangan penduduk dan kuasa politik, tetapi kumpulan minoriti mungkin mendominasi dalam bidang ekonomi. Selain itu, seperti yang dikatakan oleh De Vos (1975), “*today’s ethnic minorities are not content to remain mute: they too, seek to be heard*” (hal. 111). Ini bererti kumpulan minoriti tidak akan menyerahkan diri secara bulat-bulat kepada kumpulan dominan. Sebaliknya, kumpulan minoriti akan bertindak untuk menuntut taraf dan hak yang sama seperti kumpulan majoriti. Contohnya, hak kerakyatan, keagamaan, dan kebebasan penggunaan bahasa dan pendidikan. Oleh itu, istilah penindasan oleh kumpulan dominan tidak boleh digunakan secara sewenang-wenang dan perlu berdasarkan konteks tertentu supaya tidak berlaku penyalahgunaan.

## **2.4 Pluralisme dan Masyarakat Majmuk**

Dalam memperbincangkan tentang konsep masyarakat majmuk, maka tidak dapat dielakkan untuk membezakan antara masyarakat majmuk atau *plural society* dengan konsep kemajmukan masyarakat atau *pluralism*. Adalah penting untuk memahami kedua-dua konsep tersebut kerana negara-negara yang mempunyai unsur-unsur kemajmukan masyarakat tidak sama dengan masyarakat majmuk. Furnivall menyatakan bahawa negara-negara di luar kawasan tropika mungkin mempunyai ciri-ciri kemajmukan masyarakat, tetapi pada umumnya penduduk-penduduk yang bercampur ini mempunyai sekurang-kurangnya satu tradisi kebiasaan budaya barat, dan walaupun mereka mempunyai asal usul yang berbeza, perhubungan mereka adalah berasaskan kepada syarat yang sama, dan hubungan mereka tidak terhad semata-mata kepada lingkungan

ekonomi. Menurut Furnivall, masyarakat itu ialah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri kemajmukan, tetapi bukan satu masyarakat majmuk.<sup>16</sup>

Konsep pluralisme telah diberikan penjelasan secara luas dan lengkap oleh Mazrui yang menyatakan bahawa setiap masyarakat mempunyai sifat-sifat kemajmukan, dan beliau telah membezakan dan mengaitkan pluralisme dengan kemajmukan etnik, kemajmukan budaya, kemajmukan agama, dan kemajmukan institusi yang merujuk kepada ekspresi politik apabila beliau menyatakan walaupun wujud ketidakstabilan dalam sistem multi parti, tetapi buat sementara waktu sesebuah negara itu masih mempunyai ruang untuk mempertahankan kemajmukan institusi yang kompetitif. Bagi Mazrui, *pluralisme* ialah suatu perhubungan yang kompleks antara kumpulan dalam satu masyarakat yang lebih luas.<sup>17</sup> Beliau seterusnya telah membezakan antara konsep *pluralism* dengan konsep *plural society* (masyarakat majmuk) apabila beliau menyatakan bahawa *plural society* bukanlah sejenis masyarakat seperti pluralisme, dan apa yang membezakan *plural society* daripada masyarakat yang lain ialah melibatkan jenis pluralisme itu sendiri. Masyarakat majmuk yang tulen atau dalam bentuk pluralisme yang ekstrem ialah masyarakat yang mempunyai pengenalan identiti sepenuhnya dari segi sistem budaya dan kumpulan perkauman yang tersendiri. Hubungan antara kumpulan etnik boleh dikatakan berada dalam tahap sama ada tidak wujud perpaduan atau mempunyai kontek yang minima.<sup>18</sup>

Pada dasarnya, kebanyakan konsep masyarakat majmuk dan pluralisme yang dihujahkan oleh penulis ialah tertumpu kepada masyarakat dalam sesebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan, yakni sesebuah negara yang berdaulat, mempunyai autoriti institusi politik, dan bebas daripada campur tangan negara asing dalam menangani hal ehwal kenegaraan. Masyarakat majmuk atau *plural society* ialah masyarakat berbilang bangsa, kaum, etnik, atau suku bangsa dalam sesebuah negara. Masyarakat majmuk telah

16. Lihat Furnivall (1956, hal. 305).

17. Mazrui (1969, hal. 333).

18. Ibid, hal. 347.

wujud sejak zaman dahulu lagi. Namun begitu, sejak abad ke-18 faktor utama yang mewujudkan masyarakat majmuk ialah faktor penjajahan. Contohnya, penjajahan Inggeris merupakan faktor utama yang mewujudkan masyarakat majmuk negara ini yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu, Cina, dan India. Kajian ke atas masyarakat majmuk telah banyak dijalankan oleh para sarjana, oleh yang demikian itu juga banyak istilah lain yang sinonim dengan istilah atau masyarakat majmuk telah digunakan. Menurut Kuper, perkataan yang sinonim dengan *plural society* termasuklah *divided society*, *communally fragmented societies*, *societes bi-communautaires*, *societes tri-communautaires*, *societes pluri-communautaires*, *multi-ethnic*, *multi-national*, *multiple societies*, *composite societies and segmented societies*.<sup>19</sup>

Berdasarkan istilah masyarakat majmuk di atas, dapatlah difahami bahawa masyarakat majmuk ialah sebuah masyarakat di mana perhubungan antara kumpulan-kumpulan etnik yang menjadi warga negara berkenaan adalah berpecah, terpisah, berkonflik, dan sukar untuk mencapai kata sepakat, muafakat, persefahaman, dan perpaduan di bawah satu unit politik dan satu kuasa autoriti tunggal. Sehubungan dengan kerumitan dan keunikian politik masyarakat majmuk, maka banyak sarjana telah mengemukakan teori masyarakat majmuk masing-masing.

Furnivall, merupakan orang yang pertama merintis kepada pengembangan teori masyarakat majmuk berdasarkan kajiannya di Indonesia dan Burma.<sup>20</sup> Melalui penulisannya, konsep masyarakat majmuk telah digunakan secara khusus kepada masyarakat tropikal kolonial yang berada di bawah kuasa penjajah, di mana pada masa itu wujud fenomena konflik dan perpecahan di antara kelompok yang berlainan. Menurut beliau, masyarakat majmuk didefinisikan sebagai masyarakat yang “bercampur tetapi tidak bersatu”, di mana tidak wujud kehendak umum atau kehendak sosial yang sama yang boleh mengikat pelbagai etnik yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Sebaliknya, hubungan

19. Kuper (1971, hal. 599).

20. Furnivall (1948).

antara etnik dalam masyarakat majmuk dapat diikat bersama dan dicapai melalui tekanan kuasa luar, iaitu kuasa penjajah dan oleh kuasa ekonomi.<sup>21</sup>

Pada keseluruhannya, terdapat empat ciri utama masyarakat majmuk yang ditekankan dalam tulisan Furnivall. Pertama, masyarakat majmuk yang dimaksudkan ialah masyarakat di kawasan tropika di bawah kuasa penjajah yang terdapat perpecahan dan konflik di antara kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza. Kedua, masyarakat majmuk itu terdiri daripada berbilang etnik yang mempunyai asas-asas *primordial* yang telah menyebabkan wujudnya perpisahan. Ketiga, masyarakat majmuk itu cenderung diancam ketegangan dan pergaduhan di antara kumpulan-kumpulan etnik kerana tidak wujud unsur-unsur atau nilai yang boleh didukung bersama. Keempat, masyarakat yang berpecah dan terpisah itu diikat bersama oleh tekanan kuasa luar iaitu kuasa penjajah.

Teori masyarakat majmuk Furnivall telah menjadi sumber rujukan utama dalam analisis sesebuah masyarakat majmuk oleh para penyelidik. Namun begitu, tesis beliau telah dikritik kerana terdapat kelemahan dalam aspek-aspek tertentu. Oleh itu, berlakulah perubahan serta penyesuaian secara teoritikal terhadap konsep masyarakat majmuk yang seajar dengan perkembangan semasa.<sup>22</sup>

Kenyataan Furnivall yang menyatakan bahawa kumpulan-kumpulan etnik dalam masyarakat majmuk cenderung berlaku konflik mendapat tentangan daripada sarjana seperti Morris, Crowley, dan Benedict.<sup>23</sup> Morris yang membuat kajian di Afrika Timur menyatakan bahawa fahaman berpuak-puakan atau *factionalism* dan penekanan yang keterlaluan ke atas unsur etnisiti menyebabkan wujudnya perpecahan dalam masyarakat majmuk. Beliau menyatakan bahawa masyarakat majmuk tidak semestinya berpecah atau perpisah, sebaliknya penemuan persamaan dan matlamat yang sama hasil

21. Ibid, hal. 304-306.

22. Untuk kajian lanjut tentang perkembangan masyarakat majmuk lihat Morris (1956), Benedict (1965), Crowley (1957), Mitchell (1966), Smith (1965), Kuper & Smith (1969).

23. Morris (1956), Benedict (1965), Crowley (1957).

interaksi dalam sosial dan ekonomi yang wujud di kalangan kumpulan etnik boleh menghasilkan persatuan etnik. Hasil penyelidikan Morris dapat dikaitkan dengan kajian hubungan etnik Benedict di Mauritius. Benedict berhujah bahawa masyarakat majmuk adalah tidak stabil, dan sekiranya peluang politik dan ekonomi diagihkan berasaskan etnik dan status kebudayaan, maka perpecahan cenderung berlaku. Namun begitu, beliau menyatakan peningkatan komunikasi di antara kumpulan etnik akan membentuk kebudayaan yang sama. Oleh itu beliau telah mencadangkan supaya mewujudkan *cross-cutting cleavages* atau garisan-garisan silang-melintang institusi untuk meningkatkan kerjasama di kalangan kumpulan etnik. Dalam erti kata lain, beliau menekankan hubungan kelas berbanding hubungan etnik dalam masyarakat majmuk, dengan harapan supaya setiap kelas yang terdiri daripada beberapa kategori etnik itu, dapat melakukan kegiatan bersama berdasarkan objektif yang sama tanpa mengira etnik.

Seorang lagi sarjana iaitu Crowley, juga sependapat dengan Morris dan Benedict. Beliau yang membuat kajian di Trinidad menyatakan bahawa Trinidad ialah sebuah negara masyarakat majmuk tetapi bebas daripada konflik etnik. Crowley melabelkan keadaan masyarakat di Trinidad itu sebagai *plural acculturation* atau akulterasi majmuk. Ini adalah kerana walaupun terdapatnya tiga belas suku etnik utama di Trinidad, dan setiap suku etnik itu mempertahankan identiti masing-masing, tetapi masyarakat majmuk di Trinidad hidup harmoni dan bersepadu kerana setiap suku etnik saling memahami identiti dan aktiviti kebudayaan masing-masing.

Smith, seorang ahli sosiologi telah membuat analisis dan penilaian yang panjang lebar tentang idea Furnivall tentang masyarakat majmuk. Menurut Smith (1969), pluralisme ialah satu keadaan di mana individu-individu bagi satu masyarakat umum, pada dasarnya adalah dibezakan oleh asas-asas perbezaan praktik institusi. Beliau menyatakan bahawa penjelasan tentang pluralisme dari sudut politik yang paling ekstrem dan signifikan boleh ditemui dalam “masyarakat majmuk”.<sup>24</sup> Oleh itu, seperti juga tradisi Furnivall, Smith juga

---

24. Smith (1969, hal. 27, 29).